

TOLERANSI DALAM KALANGAN MASYARAKAT MULTI-ETNIK MENURUT AL-QURAN: SUATU ULASAN

Muhamad Amar Mahmad¹
Mohd Nizho Abdul Rahman
Solahuddin Abdul Hamid
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Sesungguhnya al-Quran itu diturunkan kepada umat manusia adalah bertujuan untuk dijadikan panduan dalam segenap aspek kehidupan termasuk dalam membina hubungan sesama manusia. Dalam konteks Islam, hubungan sesama manusia bukan hanya meliputi sesama Islam malah termasuk juga yang bukan Islam. Artikel ini cuba menyorot dan mengenal pasti elemen-elemen toleransi yang telah disarankan oleh Allah dalam al-Quran untuk dijadikan panduan asas di dalam mengekalkan keharmonian hidup dalam kehidupan masyarakat multi-etnik. Metode yang diguna pakai dalam artikel ini ialah penelitian terhadap ayat-ayat al-Quran dan sokongan daripada beberapa pandangan cendekiawan yang ada hubung kait dengan subjek kajian. Sorotan dan analisis ini mendapati elemen toleransi di dalam al-Quran sangat relevan untuk diimplementasikan khususnya dalam konteks Malaysia yang terdiri daripada kepelbagaian etnik.

Kata Kunci: *Toleransi, Masyarakat, Multi-Etnik, al-Quran*

PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang selari dengan fitrah semulajadi manusia. Ajaran-ajarannya mencangkupi semua aspek serta menjangkau masa dan tempat. Sebagai contoh di dalam Islam aspek sosial juga dititikberatkan sebagaimana yang termaktub pada surah ali Imran (3:112). Di dalam ayat tersebut, Allah menyatakan dengan jelas bahawa seseorang itu lambat laun akan ditimpa kehinaan sekiranya kedua-dua hubungan iaitu Allah dan manusia tidak dijalinkan. Hubungan sesama manusia bukan hanya terbatas kepada sesama Islam sahaja malah dengan mereka yang bukan Islam jua. Dalam hal ini, Islam telah menggariskan beberapa asas penting di dalam al-Quran bagi menjamin keharmonian hidup bernegara. Ini membuktikan bahawa, Islam membuka seluas-luasnya kebebasan dengan menerima perbezaan dari sudut kepercayaan dan keyakinan dikalangan umat manusia. Asas-asas inilah yang telah dipraktikkan oleh Rasulullah s.a.w semasa membentuk kerajaan Islam pertama di Madinah dalam suasana masyarakat kepelbagaian etnik sehingga kegemilangannya tidak boleh ditandingi hingga ke saat ini.

ELEMEN TOLERANSI BERDASARKAN AL-QURAN

Al-Quran telah mendisiplinkan manusia, supaya kehidupan di dunia ini tidak mendatangkan suasana yang tidak harmoni dalam hubungan sesama manusia walaupun mereka tidak seakidah dengan kita. Hubungan ini harus diberi perhatian serius kerana

¹Muhamad Amar bin Mahmad, PhD. Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Umum, Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia, email: m.amar@uum.edu.my. 019-8539649

kesilapan yang dilakukan oleh orang Muslim akan memberi persepsi sebaliknya terhadap kesucian Islam. Antara elemen toleransi yang digariskan oleh al-Quran ialah:

1. Saling Tolong Menolong sesama manusia

يَتَّيْمُوا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya:

Wahai manusia, Sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia diantara kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa diantara kamu. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.

Berdasarkan kepada ayat ini, jelas menunjukkan Islam sangat mementingkan toleransi dengan pelbagai kaum dan agama kerana ianya termasuk dalam perkara *sunnatullah*. Namun begitu ianya mestilah dalam ruang lingkup yang diharuskan. Dalam membincangkan tentang ayat ini, Maskuri Abdullah (2001) menyatakan toleransi boleh dibahagikan kepada dua bentuk. Pertama ialah cukup dengan tidak menyakiti perasaan mereka samaada dia berbeza ataupun sama dengan kita. Kedua ialah tidak cukup dengan hanya tidak menyakiti hatinya tetapi lebih daripada itu dengan bersedia bila-bila masa sahaja untuk memberi bantuan dan sokongan di saat mereka memerlukan.

Menurut Fathi (1997), ayat tersebut membuktikan bahawa itulah asas kepada pembentukan sesebuah masyarakat majmuk yang memerlukan interaksi, kerjasama, serta saling melengkapi dan bukannya wujud pengasingan.

Di dalam ayat yang lain Allah s.w.t telah berfirman yang bermaksud:

“Dan di antara tanda-tanda kekuasaan-Nya ialah menciptakan langit dan bumi dan berlain-lainan bahasamu dan warna kulitmu. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang mengetahui.”

Di dalam ayat ini, Ibn Kathir (1997) menafsirkan bahawa tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t adalah dengan adanya ciptaan langit dan bumi beserta dijadikan manusia dengan pelbagai bahasa dan warna kulit. Kepelbagaian manusia yang dicipta oleh Allah walaupun sama seperti terdapat dua biji mata, dua alis mata, hidung, satu mulut, dua pipi dan sebagainya namun terdapat unsur perbezaan iaitu bahasa dan warna kulit. Pelbagai variasi manusia yang wujud ini adalah kerana setiap manusia mempunyai kebolehan dan keistimewaan tersendiri, yang saling memerlukan antara satu sama lain. Pandangan ini selari dengan al-Qurtubi (1993), bahawa setiap bangsa memiliki kelebihan tertentu yang tidak ada pada bangsa lain.

Terdapat juga di dalam ayat lain yang menyentuh supaya berbuat baik dan tolong menolong dalam hal yang berkaitan dengan kebajikan secara umum, tetapi tidak kepada perkara yang mendatangkan dosa dan permusuhan. Firmannya yang bermaksud:

“Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa dan jangan tolong-menolong dalam hal berbuat dosa dan pelanggaran.”

2. Kebebasan dalam memilih agama

لَا إِكْرَاهَ فِي الدِّينِ ۗ قَدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ ۚ فَمَنْ يَكْفُرْ بِالطَّاغُوتِ وَيُؤْمَرْ بِاللَّهِ
فَقَدْ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَىٰ لَا انْفِصَامَ لَهَا ۗ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٥٦﴾

Maksudnya:

“Tidak ada paksaan untuk (memasuki) agama (Islam); Sesungguhnya telah jelas jalan yang benar daripada jalan yang sesat. kerana itu Barangsiapa yang ingkar kepada Thaghut dan beriman kepada Allah, Maka Sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang amat kuat yang tidak akan putus. dan Allah Maha mendengar lagi Maha mengetahui.” (al-Baqarah 2: 256)

Ibn Kathir (1997), menjelaskan bahawa seseorang muslim tidak boleh memaksa orang lain untuk memeluk agama Islam. Hal ini kerana agama Islam adalah agama yang sudah jelas tentang kebenarannya. Barangsiapa yang diberikan hidayah oleh Allah maka sudah tentu Islam akan menjadi pilihan dalam hidupnya. Namun begitu, sekiranya mereka tertutup mata hati, sebanyak mana bukti dan hujjah yang diberikan mereka tetap akan menolaknya. Dalam pada itu, menurut Ibnu Abbas sebab turunnya ayat ini, adalah pada suatu hari terdapat seorang dari kalangan Bani Salim yang bernama al-Husaini memaksa dua orang anaknya yang masih Kristian supaya memeluk Islam. Situasi ini telah diketahui oleh Rasulullah, maka tidak lama kemudian daripada itu, Allah s.w.t telah menurunkan ayat ini. Menurut Hamka (1980), tidak perlu pemaksaan dalam mengajak kepada memeluk Islam. Sebaliknya, mereka perlu di ajak supaya berfikir tentang kejadian alam semesta ini. Menurutnya lagi, sekiranya mereka benar-benar menggunakan fungsi akal untuk merenung dan memerhati tentang ciptaan Allah, sejujurnya mereka akan memilih Islam sebagai agamanya.

Dalam hal ini, sekiranya menggunakan kaedah berbentuk paksaan, mereka mungkin akan memeluk Islam tetapi lambat laun mereka akan kembali kepada agama asalnya. Di dalam al-Quran, ayat tentang larangan memaksa dan membenci golongan tersebut terdapat lebih kurang empat puluh tempat di dalam al-Quran (Hamid Fahmy Zarkasyi, 2011).

Menurut A.T Talib (2012) dan Muhammad Fathi Uthman (1982), keterbukaan yang seluas-luasnya itu tidak bererti kita mengakui bahawa agama selain Islam adalah benar. Itu adalah sebagai suatu kebebasan untuk mereka membuat pilihan di dalam memenuhi fitrah

sebagai seorang manusia. Justeru, sikap pemaksaan bukanlah suatu prinsip dari ajaran Islam.

Dalam ayat yang lain berkenaan dengan melarang orang Islam memaksa orang bukan Islam memeluk Islam iaitu:

وَلَوْ شَاءَ رَبُّكَ لَأَمَنَّ مَنْ فِي الْأَرْضِ كُلَّهُمْ جَمِيعًا ۚ أَفَأَنْتَ تُكْرِهُ النَّاسَ حَتَّىٰ يَكُونُوا
مُؤْمِنِينَ ﴿١١﴾

Maksudnya:

“Dan Jikalau Tuhanmu menghendaki, tentulah beriman semua orang yang di muka bumi seluruhnya. Maka Apakah kamu (hendak) memaksa manusia supaya mereka menjadi orang-orang yang beriman semuanya ?” (Yunus 10:99).

3. Berlaku adil

Dalam ayat yang lain Allah s.w.t telah menegaskan lagi supaya kita mestilah berlaku adil dan saksama kepada semua manusia. Hal ini kerana, Islam merupakan agama yang merentasi sempadan agama, bangsa, warna kulit dan batasan geografi. Firman Allah s.w.t:

لَا يَنْهَىٰ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقْتُلُواكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُواكُم مِّن دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ وَتُقْسِطُوا إِلَيْهِمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾ إِنَّمَا يَنْهَىٰ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ قَتَلُواكُمْ فِي الدِّينِ وَأَخْرَجُواكُم مِّن دِيَارِكُمْ وَظَاهَرُوا عَلَىٰ إِخْرَاجِكُمْ أَن تَوَلَّوهُمْ ۚ وَمَن يَتَوَلَّهُمْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya:

“Allah tidak melarang kamu untuk berbuat baik dan Berlaku adil terhadap orang-orang yang tiada memerangimu kerana agama dan tidak (pula) mengusir kamu dari negerimu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang Berlaku adil (8) Sesungguhnya Allah hanya melarang kamu menjadikan sebagai kawanmu orang-orang yang memerangimu kerana agama dan mengusir kamu dari negerimu, dan membantu (orang lain) untuk mengusirmu. dan Barangsiapa menjadikan mereka sebagai kawan, Maka mereka Itulah orang-orang yang zalim(9)” (al-Mumtahanah 60: 8-9).

Menurut Hamka (1980), ayat ini menerangkan supaya kita perlu berkomunikasi dan bergaul dengan penuh berhemah. Tetapi sekiranya terdapat bukti bahawa dia memusuhi dan memerangi Islam maka semua yang dibenarkan tadi secara automatiknya akan terlarang.

Selain itu, terdapat beberapa ayat lain yang menyuruh supaya berlaku adil kepada semua manusia seperti dalam firman Allah:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا كُوْنُوْا قَوّٰمِيْنَ لِلّٰهِ شُهَدَآءَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ
شَنَّٰنُ قَوْمٍ عَلٰٓى اٰلٍ تَعَدَلُوْا اَعْدَلُوْا هُوَ اَقْرَبُ لِلتَّقْوٰى ۗ وَاتَّقُوا اللّٰهَ ۚ اِنَّ اللّٰهَ
خَبِيْرٌۢ بِمَا تَعْمَلُوْنَ ﴿٥٨﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu menjadi orang yang menegakkan (kebenaran) kerana Allah, menjadi saksi dengan adil. dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa. dan bertakwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.” (al-Maidah 5: 8).

﴿٥٨﴾ اِنَّ اللّٰهَ يٰۤاْمُرُكُمْ اَنْ تُوْدُوْا الْاٰمَنَتِ اِلٰى اَهْلِهَا وَاِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ اَنْ تَحْكُمُوْا
بِالْعَدْلِ ۗ اِنَّ اللّٰهَ نَعِيْمًا يَعِظُكُمْ بِهٖ ۗ اِنَّ اللّٰهَ كَانَ سَمِيْعًا بَصِيْرًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha melihat. (an-Nisa’ 4: 58)

4. Dilarang mencaci sembah agama lain

وَلَا تَسُبُّوْا الَّذِيْنَ يَدْعُوْنَ مِنْ دُوْنِ اللّٰهِ فَيَسُبُّوْا اللّٰهَ عَدُوًّا بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ كَذٰلِكَ زَيْنًا لِّكُلِّ
اُمَّةٍ عَمَلُهُمْ ثُمَّ اِلٰى رَبِّهِمْ مَّرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُمْ بِمَا كَانُوْا يَعْمَلُوْنَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan. Demikianlah Kami jadikan Setiap umat menganggap baik pekerjaan mereka. kemudian kepada Tuhan merekalah kembali mereka, lalu Dia memberitakan kepada mereka apa yang dahulu mereka kerjakan.” (al-An’am 6: 108).

Menurut al-Qurtubi (1993) di dalam tafsirnya *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, menjelaskan bahawa para ulama melarang daripada mencerca sembah non-Muslim selagi mana mereka tidak menghina Islam, Nabi dan Allah. Justeru, dilarang sama sekali kepada setiap muslim untuk mencerca salib mereka atau agama mereka atau gereja mereka. Ekoran daripada perbuatan negatif seperti itu boleh menjurus ke arah menggalakkan berlakunya perkara yang tidak diingini.

5. Berprasangka buruk

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا يَسْخَرِ قَوْمٌ مِّن قَوْمٍ عَسَىٰ أَن يَكُونُوا خَيْرًا مِّنْهُمْ وَلَا نِسَاءٌ مِّن نِّسَاءٍ
 عَسَىٰ أَن يَكُنَّ خَيْرًا مِّنْهُنَّ وَلَا تَلْمِزُوا أَنفُسَكُمْ وَلَا تَنَابَزُوا بِاللِّقَابِ بِئْسَ الْأَسْمُ الْفُسُوقُ
 بَعْدَ الْإِيمَانِ وَمَن لَّمْ يَتُبْ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah sekumpulan orang laki-laki merendahkan kumpulan yang lain, boleh Jadi yang ditertawakan itu lebih baik dari mereka. dan jangan pula sekumpulan perempuan merendahkan kumpulan lainnya, boleh Jadi yang direndahkan itu lebih baik. dan janganlah suka mencela dirimu sendiri dan jangan memanggil dengan gelaran yang mengandung ejekan. seburuk-buruk panggilan adalah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan Barangsiapa yang tidak bertaubat, Maka mereka Itulah orang-orang yang zalim.” (al-Hujurat 49: 11).

Al-Maraghi (1946) menjelaskan bahawa dilarang sama sekali melakukan perbuatan mengolok sesama manusia dengan cara menyebut kekurangan dan kecacatan yang ada padanya. Ekoran daripada itu akan menyebabkan orang lain akan tertawa dengan ejekan tersebut. Terdapat pelbagai bentuk ejekan sama ada isyarat mata, bibir, kepala, tangan atau pun berupa perkataan. Ayat ini sebenarnya memberi maksud supaya dilarang mengejek diri sendiri namun begitu uslub yang digunakan oleh Allah merujuk kepada saudara kita. Sekiranya perbuatan merendah-rendahkan saudara kita dilakukan, diri sendiri juga akan menderita disebabkan nanti saudara kita pula yang akan mengejek kita (Kementerian Agama, 2011).

Menurut Nazmi (2011), ayat ini menyuruh supaya memberi penghormatan yang sewajarnya kepada setiap manusia tanpa mengira agama. Menghormati mereka dalam erti kata tidak boleh mencemooh, mengutuk atau memanggil dengan panggilan yang tidak disukai terhadap orang lain.

6. Memberi penghormatan yang sewajarnya

﴿ وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي ءَادَمَ وَحَمَلْنَهُمْ فِي الْوَجْدِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَهُم مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ
 عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴾ ﴿٥٧﴾

Maksudnya:

“dan Sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.” (al-Isra’ 17: 70)

Menurut al-Qurtubi (1993), di dalam tafsirnya menyatakan bahwa setiap manusia diciptakan oleh Allah dengan penuh keistimewaan berbanding makhluk lain. Katanya kalimah *karrama* adalah *tadh'if* (berganda) pada ro'. Kalimah ini merupakan wazan *faa'la*. Bererti Allah menjadikan dengan sebenar-benar kemuliaan, keagungan, dan keutamaan untuk manusia. Kemuliaan ini termasuk dari sudut rupa paras manusia dan diberikan kemudahan di darat dan di laut untuk perhubungan manusia dari satu tempat ke tempat yang lain tanpa mengira jenis bangsa sekalipun.

7. Batasan berkompromi dalam aspek agama

Islam menitikberatkan toleransi atau disebut dalam islam sebagai bersifat *tasamuh* dalam hal-hal yang berkaitan dengan duniawi. Berkaitan dengan ukhrawi tidak ada dalam mana-mana ayat al-Quran atau hadis nabi yang menyatakan supaya bersikap dengan sedemikian. Bahkan Allah dengan tegas menyatakan di dalam firmanNya:

قُلْ يَتَّيِبُوا أَلْكَافِرُونَ ۖ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ ۚ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ۚ
وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَّا عَبَدْتُمْ ۚ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ۚ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ ۚ

Maksudnya :

“Katakanlah: "Hai orang-orang kafir, aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah. Untukmu agamamu, dan untukku agamaku.” (al-Kafirun 109 : 1-6)

Dan dalam surah lain, Allah berfirman yang bermaksud:

“Di antara mereka ada orang-orang yang beriman kepada Al Quran, dan di antaranya ada (pula) orang-orang yang tidak beriman kepadanya. Tuhanmu lebih mengetahui tentang orang-orang yang berbuat kerusakan (40). Jika mereka mendustakan kamu, Maka Katakanlah: "Bagiku pekerjaanku dan bagimu pekerjaanmu. kamu berlepas diri terhadap apa yang aku kerjakan dan akupun berlepas diri terhadap apa yang kamu kerjakan" (41).”

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, toleransi sangat mustahak kepada setiap negara yang terdiri daripada kepelbagaian etnik seperti negara Malaysia. Sikap *relative* harus menjiwai dalam setiap etnik di dalam membuat persepsi kepada etnik dan agama yang berbeza. Sekiranya perkara ini dikesampingkan oleh setiap individu yang menduduki dalam sesebuah negara tersebut, maka bibit-bibit kehancuran dan kemusnahan akan mula berputik. Ekoran daripada itu, akan muncul sikap negatif seperti prejudis, prasangka buruk, curiga

mencurigai, diskriminasi dan seumpamanya. Justeru, al-Quran telah memberi garis panduan sebagai asas dalam membina sesebuah tamadun yang terdiri daripada pelbagai etnik, budaya dan agama.

RUJUKAN

Al-Quran al-karim.

Muhammad al-Qurtubi. 1993. *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Bairut: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah.

Ahmad Mustaffa al-Maraghi. 1946. *Tafsir al-Maraghi. Mesir: Maktabah Mustaffa al-Bab al-Halani.*

Abu al-Fida Ismail ibn Katsir Ad-Damsyiqi 1997. *Tafsir al-Qur'an al-'Adzim*. Juz. VII, Beirut: Darul Fikr.

Maskuri Abdullah. 2001. *Pluralisme Agama dan Kerukunan dalam Keagamaan*. Jakarta: Penerbit Buku Kompas.

Hamid Fahmy Zarkasyi. 2011. *Islam HAM dan Kebebasan Beragama*. Jakarta: INSIST.

Hamka, Hj Abdul Malik. 1980. *Tafsir al-Azhar*. Juz 1. Jakarta: Pustaka Antara

Fathi Osman. 1997. *Concepts of the Quran: A topical reading*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

Nazri Muslim et al. 2011. *Hubungan Etnik di Malaysia dari Perspektif Islam*. Jurnal Kajian Malaysia. Vol. 29. Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Kementerian Agama. *Al-Quran dan Tafsirnya*. 2011. Jakarta: Widya Cahaya

Muhammad Fathi Uthman. 1982. *Huquq al-Insan Baina al-Syari'ah al-Islamiyyah wa al-Fikr al-Qanun al-Gharbi*, Dar al-Shuruq: Cairo.